

142
NO. SOALAN: 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH
BIN RAJA AHMAD [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 7 MAC 2018 (RABU)

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan apakah cadangan Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan kuasa beli dan wang pada rakyat berpendapatan rendah-pertengahan seperti dinyatakan oleh Pengurus Besar Mydin Store baru-baru ini

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan data daripada Jabatan Statistik Malaysia (DOSM), perdagangan runcit pada **tahun 2017** didapati meningkat kepada **RM450.3 bilion** berbanding **RM403.8 bilion** pada **tahun 2016**, iaitu peningkatan sebanyak **11.5%**. Pertumbuhan dua (2) angka ini menunjukkan bahawa sektor perdagangan runcit mengalami pertumbuhan yang baik di negara ini, disokong oleh kuasa membeli rakyat yang kukuh dan stabil.

Pada masa yang sama, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa peka dan prihatin terhadap isu-isu melibatkan taraf hidup rakyat pada masa kini. Pelbagai inisiatif dan program telah diambil bagi memastikan taraf hidup rakyat di negara dijaga, antara lainnya seperti berikut:

- i) Menubuhkan **Majlis Tindakan Sara Hidup Negara** bagi memberi tumpuan kepada pelaksanaan strategi dan pelan tindakan yang proaktif bagi mendepani cabaran kenaikan kos sara hidup serta membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat dengan lebih berkesan;
- ii) Menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan keuntungan secara tidak munasabah oleh peniaga;
- iii) Melaksanakan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** semasa 6 perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Gawai, Pesta Keamatan, Hari Raya Puasa, Deepavali dan Krismas;

- iv) Menghadkan **kadar faedah maksimum bagi transaksi jualan kredit** kepada 15% setahun berbanding sebelumnya yang mencecah sehingga 40% setahun;
- v) Melaksanakan program **Penyeragaman Harga Barang Perlu** bagi membolehkan masyarakat di kawasan pendalaman memperolehi barang-barang keperluan pengguna seperti beras, gula, minyak masak, tepung gandum, LPG, petrol RON 95 dan diesel pada harga yang ditetapkan oleh kerajaan;
- vi) Mengadakan **kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA)** bagi meningkatkan bekalan makanan melalui program-program seperti Program Stok Bekalan Makanan, Program Jualan Ikan Segar Beku (Q-Fish) dan sebagainya;
- vii) mewujudkan ***MyFARM Outlet*** dengan kerjasama MOA serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi membolehkan rakyat memperoleh barang keperluan makanan pada harga yang berpatutan; dan
- viii) menyediakan **pelbagai medium penyaluran aduan** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan.

Selaras dengan matlamat sebagai ***Caring Ministry***, Kementerian akan mempergiat dan mempelbagai lagi usaha-usaha untuk memastikan rakyat dapat menjalani kehidupan dengan selesa dan sejahtera.